

18/07/2000

Setinggalan Abdullah Hukum tidak diabai

KUALA LUMPUR, Isnin - Nasib 542 keluarga setinggalan di Kampung Abdullah Hukum akan dibela bila kawasan berkenaan dibangunkan tidak lama lagi, kata Ketua Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Tun Hussein.

Selain mendapat rumah, beliau berkata, keluarga terbabit juga akan ditawarkan pelbagai ganjaran lain yang bersesuaian.

Katanya, bentuk ganjaran dan pembangunan yang akan dilaksanakan masih pada peringkat perancangan.

Bagaimanapun, beliau tidak menolak kemungkinan tanah seluas 5.65 hektar bernilai RM110 juta itu, akan dibangunkan untuk projek perumahan.

"Apa yang penting, pembangunan yang akan dilaksanakan di kawasan ini tidak akan mengabaikan kebajikan keluarga setinggalan di situ.

"Pemindahan kumpulan ini akan dilaksanakan secara adil, dengan syarat dan ganjaran yang diterima semua pihak," katanya sambil menjelaskan pembangunan kawasan itu akan dilaksanakan Yayasan Gerakbakti Kebangsaan (YGK) Pemuda Umno.

Beliau memberitahu pemberita demikian selepas mempengerusikan buat kali terakhir mesyuarat Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Gerakbakti Kebangsaan (YGK), di sini hari ini. Jawatan Pengerusi YGK kini diterajui Bendahari Pemuda Umno, Mokhzani Mahathir.

Hishammuddin yang juga Menteri Belia dan Sukan, berkata projek itu akan dilaksanakan sebaik saja rundingan dengan penduduk terbabit, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan pakar berkaitan, selesai.

Sementara itu, diminta mengulas cadangan bekas Timbalan Perdana Menteri, Tun Ghafar Baba supaya jawatan Timbalan Presiden Umno dimansuhkan, beliau berkata cadangan seumpama itu tidak patut dibangkitkan, lebih-lebih lagi berhubung jawatan yang sudah diisi dan ditentukan Perhimpunan Agung Umno, baru-baru ini.

"Usaha sepatutnya lebih ditumpukan untuk mengukuhkan parti," katanya sambil memberitahu program Pemuda Umno kini sejajar dengan matlamat berkenaan.

Ghafar hari ini dilaporkan mengulangi cadangan itu kerana berpendapat perlawanan hebat dalam Umno sebenarnya adalah perebutan bagi jawatan berkenaan dan bukan Naib Presiden.

Ghafar sebelum ini pernah mencadangkan supaya seorang daripada tiga Naib Presiden menjadi Timbalan Perdana Menteri.

(END)